

# Industri keluli wajar cari pasaran baru

GEORGETOWN, Isnin — Industri keluli tempatan perlu lebih berdaya saing serta menerokai pasaran eksport baru kerana pasaran dunia bagi bekalan itu dijangka menghadapi lebihan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pengeluar keluli tempatan seharusnya mengambil peluang itu untuk mencari pasaran baru di Asia Timur dan Asia Tengah di samping merangka strategi bagi menjamin harganya supaya lebih stabil.

"Keadaan bekalan berlebihan serta pasaran dunia meningkat adalah faktor utama yang seharusnya membuat pengeluar keluli tempatan lebih berpandangan jauh," katanya berucap merasmikan Loji Rod Dawai dan Pelancaran Loji Pembuatan Keluli Kedua Malayawata Steel Berhad di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Dr Koh Tsu

Koon, timbalannya, Datuk Dr Ibrahim Saad dan Pengerusi Malayawata, Tunku Tan Sri Shahriman Tunku Sulaiman.

Dr Mahathir berkata, langkah perlu diambil bagi meningkatkan pertalian di antara syarikat hulu dan hiliran menerusi penubuhan program pembangunan pembekal sama seperti dilaksanakan dalam industri elektronik.

Katanya, keperluan untuk menjadi lebih berdaya saing dirasakan mendesak dengan pelaksanaan skim Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) bagi Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Perdana Menteri berkata, industri keluli tempatan perlu mengambil kesempatan penubuhan Afta dengan mempelbagaikan produk keluarannya kerana ia akan meningkatkan keupayaan industri keluli tempatan menembusi pasaran eksport rantau ini.

"Malaysia dianggap

oleh pengeluar keluli asing sebagai pangkalan yang baik bagi pengeluaran barangan keluli untuk dieksport ke rantau Asia Tenggara, selaras kedudukanannya yang dijangka mengalami pertumbuhan tinggi bagi permintaan produk leper," katanya.

Menurutnya, pasaran bagi produk leper di negara ini berjumlah di antara satu dan dua juta tan metrik setahun, dijangka meningkat kepada tiga juta tan metrik beberapa tahun akan datang dan sehingga lima juta tan metrik menjelang 2000.

"Bagi mengatasi lebihan pengeluaran yang dijangka berlaku itu, industri keluli tempatan perlu meningkatkan daya saing bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan eksport," katanya.

Dr Mahathir berkata, tumpuan kini perlu beralih kepada meningkatkan mutu produk, bukannya kuantiti seperti kelazimannya kerana tindakan

itu menyebabkan banyak kekurangan kepada industri itu, termasuk lebihan pengeluaran, harga yang rendah dan kemelesetan industri pelanggan.

"Industri keluli tempatan perlu mencontohi langkah Jepun yang melaksanakan program mempelbagaikan penggunaan keluli meliputi industri automotif, pembinaan dan jentera.

"Pendekatan itu membolehkan Jepun terus mengekalkan pertumbuhan industri kelulinya dengan menikmati pulangan yang tinggi dan kekukuhan harganya, walaupun pada masa yang sama harga keluli merosot di Eropah," katanya.

Perdana Menteri menyarankan penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta latihan bagi industri keluli supaya negara ini boleh memasuki fasa pengeluaran keluli yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi.